

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana Syarikat Nuemera (M) Sdn. Bhd. yang dilantik Kerajaan untuk melaksana sistem Sekatan Perkhidmatan Selular Awam (PCBS) gagal menjamin keselamatan 46.2 juta data peribadi pengguna perkhidmatan telekomunikasi sehingga maklumat tersebut terbocor, serta tindakan yang dikenakan terhadap syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menjalankan siasatan terhadap Syarikat Nuemera (M) Sdn. Bhd. berkaitan insiden tersebut dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
2. Susulan siasatan tersebut, pada 26 Januari 2018, pihak SKMM telah menggantung perlantikan Syarikat Nuemera (M) Sdn. Bhd. (Nuemera) kerana didapati telah melanggar fasal-fasal asas dalam Kontrak Perjanjian di antara SKMM dan Nuemera yang telah ditandatangani. Pada 21 Mei 2018, pihak SKMM seterusnya telah mengeluarkan notis kepada Nuemera atas keputusan SKMM untuk tidak memperbaharui Perjanjian PCBS tersebut untuk tempoh 5 tahun lagi sebagaimana opsiyen terdapat dalam Kontrak Perjanjian tersebut.
3. Pihak JPDP telah menjalankan siasatan menjerus kepada pelanggaran 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi di bawah Seksyen 9 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), pengumpulan data peribadi yang menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 130 Akta 709 dan kesalahan di bawah Seksyen 4 Akta Jenayah Komputer 1997.
4. Kertas Siasatan telah dilengkapkan dan dihantar kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan dalam tindakan pihak AGC.